

## JENAMA KASUT TEMPATAN XES SHOES TERUS BERKEMBANG DI SELURUH NEGARA DENGAN PEMBUKAAN CAWANGAN KE-156

*Pelaburan Ekuinas Pacu Pertumbuhan Masa Depan*

### Sorotan Penting: -

- Pembukaan cawangan ke-156 XES Shoes di Sungai Siput, Perak menandakan satu pencapaian penting bagi jenama yang bermula daripada sebuah kedai tunggal dan berkembang maju menjadi jenama runcit utama di yang merangkumi sembilan negeri di seluruh negara, dengan menawarkan lebih 1,000 produk yang meliputi segmen pasaran umum, gaya hidup dan pakaian aktif kepada rakyat Malaysia
- XES Shoes menunjukkan asas kewangan yang kukuh dan peluang pertumbuhan yang jelas di negeri-negeri yang masih kurang diterokai.
- XES Shoes memasuki fasa pertumbuhan seterusnya menerusi kerjasama strategik bersama Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), yang memperoleh kepentingan kawalan dalam syarikat.

**KUALA LUMPUR, 20 Mei 2026:** Jenama kasut dan aksesori tempatan, XES Shoes, yang dikendalikan oleh Shellys Marketing Sdn Bhd (Shellys Marketing), telah mencatat pencapaian penting menerusi pembukaan cawangan ke-156 di Sungai Siput, Perak, mencerminkan pertumbuhan kukuh selama lebih daripada dua dekad dan komitmen berterusan untuk membekalkan kasut yang selesa dan mampu milik kepada rakyat Malaysia.

Shellys Marketing, yang ditubuhkan pada tahun 2002, telah mengembangkan XES Shoes daripada sebuah kedai di Wangsa Maju menjadi satu jenama yang dikenali di seluruh Malaysia, dengan rangkaian runcit meliputi sembilan negeri. Strategi kedai berbilang format, dengan konsep *Outlet* dan *Studio* di pasar raya besar dan disokong oleh format

*Premium* dan *Signature* di pusat membeli-belah, membolehkan jenama tersebut memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai dalam sektor runcit berorientasikan nilai dan gaya hidup. Kini, XES Shoes menawarkan lebih daripada 1,000 produk dalam portfolio jenamanya iaitu XES Shoes, yang memenuhi keperluan kasut untuk kegunaan harian, kerja dan gaya hidup serta *Refresh*, yang memberi tumpuan kepada kasut gaya sukan. Portfolio yang pelbagai ini, digabungkan dengan tumpuan terhadap reka bentuk, keselesaan dan harga yang mampu milik telah membolehkan XES Shoes membina asas pelanggan yang setia dan terus berkembang.

Simpson Wong, Ketua Pegawai Eksekutif Shellys Marketing berkata, “Kami melangkah dengan wawasan jelas untuk menjadikan XES Shoes jenama kasut pilihan utama yang dipercayai rakyat Malaysia. Kami sentiasa memberi tumpuan untuk membekalkan kasut yang selesa kepada para pelanggan, disokong oleh operasi runcit yang kukuh, pengetahuan teknikal dalam bidang pembuatan kasut, pengurusan rantai nilai yang cekap dan inovasi produk yang berterusan. Perjalanan kami turut mendapat pengiktirafan di peringkat nasional, termasuk dalam *Malaysia Book of Records* pada tahun 2022 bagi rangkaian kedai kasut jenama Malaysia terbanyak, serta pencapaian status Superbrands Malaysia pada tahun 2020. Pembukaan cawangan kami yang ke-156 di Sungai Siput, Perak mencerminkan momentum positif yang telah kami bina selama ini dan kami melihat peluang untuk meluaskan capaian kami di seluruh negara.”

Sejajar dengan fasa pertumbuhan seterusnya, Shellys Marketing juga mengalu-alukan pelaburan strategik daripada Ekuinas yang telah memperoleh pegangan kawalan dalam syarikat tersebut. Kerjasama ini akan menyokong usaha XES Shoes meluaskan operasi, mengukuhkan kedudukan runcit dan e-dagang, serta meningkatkan keupayaan keseluruhan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna di serata Malaysia.

Aliff Omar Mohamad Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, berkata, “Pelaburan ini mencerminkan tumpuan berterusan Ekuinas untuk mengembangkan syarikat-syarikat tempatan dengan potensi pertumbuhan kukuh. Nilai industri runcit berasaskan gedung

di Malaysia diunjurkan mencecah RM365.9 bilion menjelang tahun 2029, berkembang pada kadar pertumbuhan terkompoun tahunan kira-kira 6.0% dari 2024 hingga 2029. XES Shoes berada pada kedudukan kukuh untuk memanfaatkan peluang ini. Syarikat ini telah membina platform yang kukuh dan berskala dalam sektor runcit domestik, dengan model perniagaan yang terbukti sesuai untuk segmen pengguna berasaskan nilai di Malaysia serta peluang pertumbuhan untuk meluaskan rangkaian ke negeri-negeri yang kurang diterokai. Kami akan bekerjasama rapat dengan pasukan pengurusan untuk mengukuhkan model operasi, meluaskan jejak runcit dan dalam talian serta memperdalam capaian bagi pasaran umum, di samping terus menyokong dan mengembangkan operasi jenama-jenama Malaysia yang kukuh menjadi syarikat kebangsaan yang unggul.”

Asas perniagaan XES Shoes yang kukuh turut menyokong rancangan pengembangan operasi, dengan beberapa lokasi strategik dikenal pasti untuk pelancaran cawangan baharu pada masa depan bagi mengukuhkan lagi kehadiran pasaran dan meluaskan jejak geografinya. Syarikat telah membuktikan keupayaan untuk bertahan dalam persekitaran runcit yang berdaya saing dengan prestasi cawangan konsisten dan kesetiaan pelanggan di seluruh rangkaian. Keupayaan untuk menjana nilai sambil mengekalkan kualiti telah mengangkat XES Shoes sebagai jenama yang dipercayai di kalangan pengguna Malaysia.

Dengan platform yang lebih kukuh dan sokongan strategik, XES Shoes bakal berada pada kedudukan yang baik untuk meneruskan momentum pertumbuhannya dengan menyediakan kasut yang mampu milik dan selesa kepada lebih ramai rakyat Malaysia sambil mengukuhkan kedudukannya sebagai jenama runcit tempatan terkemuka.

-Tamat-



### **Mengenai Ekuiti Nasional Berhad**

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat membina syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang Malaysia sambil menggalakkan penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Objektif utama Ekuinas ialah menjana nilai kewangan atas pelaburan untuk memastikan objektif sosialnya dicapai dengan cara yang mampan. Setakat ini, Ekuinas telah membuat 73 pelaburan , dengan 50 merupakan pelaburan langsung dan 23 menerusi Pengurus Dana Penyumberan Luar. Sektor sasaran terasnya termasuk pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, peruncitan, penjagaan kesihatan dan pembuatan. Ekuinas telah dipilih sebagai satu daripada 3 Firma Terbaik Asia Tenggara oleh Anugerah Ekuiti Persendirian Antarabangsa (PEI) bagi tahun 2018 dan 2019.

### **Dikeluarkan bagi pihak Ekuiti Nasional Berhad**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**acorn communications sdn. bhd.**

Farah Aqilah di +60 19-917 4451 atau Nur Shaffikha at +60 13-460 6578

atau di +603 7958 8348 atau e-mel [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)